

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **YB TUAN SIM TONG HIM**  
**[ KOTA MELAKA ]**  
**SOALAN** : ~~270~~ 261

**YB Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang projek pembinaan rumah mampu milik dan projek perumahan PR1MA di negeri Melaka:-**

- (a) jumlah unit yang telah siap dibinakan sejak tahun 2010 hingga sekarang dan di antaranya berapakah jumlah unit yang dibinakan oleh Kerajaan negeri sendiri ; dan
- (b) berapa buah projek perumahan PR1MA yang telah diluluskan untuk negeri Melaka sejak PR1MA ditubuhkan

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak penubuhan PR1MA pada tahun 2013 sehingga kini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 23,958 unit rumah yang terdiri daripada 23 buah projek untuk dibina di sekitar negeri Melaka. Antara lokasi – lokasi yang telah dikenal pasti termasuklah di sekitar kawasan Alor Gajah, Masjid Tanah, Tangga Batu, Kota Melaka, Bukit Katil dan Jasin. Pada masa ini sebanyak 6,469 unit sedang berada dalam pembinaan manakala projek-projek lain masih berada dalam fasa perancangan masing-masing seperti mana yang telah dijadualkan. Selain projek PR1MA, Kerajaan Negeri Melaka turut melaksanakan program rumah mampu miliknya sendiri. Secara keseluruhannya sehingga kini Kerajaan Negeri Melaka mempunyai sebanyak 22,778 unit rumah di mana 3,334 unit telah siap, 3,711 unit dalam pembinaan dan 15,733 unit lagi sedang berada dalam perancangan.

Sekian. Terima Kasih.